

Buletin INSOLVENSI

Bil. 1

mdi

JUL 2013 . RAMADHAN 1434H (Keluaran PERTAMA)

Kini Bankrap Boleh Membuat
Bayaran Ansuran Bulanan Secara **ONLINE**

Carian Status Kebankrapan Yang Dicetak Sendiri
Secara "Online" Merupakan Dokumen Rasmi Sah
Yang Dikeluarkan Oleh JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

Bankrap Boleh Membuat Carian
Status Kebankrapan Secara Kaunter
Di Semua Cawangan Mdl Seluruh Malaysia



JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

TINGKAT 2-3, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, PRESIN 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62692 PUTRAJAYA

TEL : 03 8885 1000 | FAX : 03 8885 1303 | WWW.INSOLVENSI.GOV.MY www.facebook.com/INSOLVENSI f

Kandungan

Seksyen 1 -

Kata-kata Aluan

Perutusan Ketua Pengarah Insolvensi
Dari Meja Penasihat
dari Meja pengarang

ii
iii
iv

Seksyen 2 -

Apa Yang Perlu Anda Ketahui

Apakah Kebankrapan	1
Carta Aliran Proses Yang Membawa Kepada Kebankrapan Individu	2
Implikasi Kebankrapan	3
Visi, Misi Objektif & Fungsi Mdi	4
Peranan Jabatan & Peranan Bankrap	5
Evolusi Mdi	6

Seksyen 3 -

Program Kesedaran Dan Pendidikan Insolvensi

Program-program dan Taklimat-taklimat Yang Telah Dijalankan Oleh Mdi	7-11
--	------

Seksyen 4 -

Program Perkongsian Pintar & Strategi Lautan Biru

Perbincangan Yang Telah Diadakan Oleh Mdi	12
---	----

Seksyen 5 -

Hebahan Media Perkhidmatan Insolvensi

13-15
16

Seksyen 6 -

Aduan & Tips

www.insolvensi.gov.my

Rekabentuk & Percetakan Oleh :
AL AFLAH PRINTWORKS (NS0062040-V)
G411 Jalan 5, Kosmopolitan, Bandar Baru Salak Tinggi
43950 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 03 8705 1775 Fax : 03 8706 8007
e-Mai : alafiah.pw@live.com www.printworks2u.com
KDN: PQ.1780/4531/48852

SIDANG REDAKSI

PENAUNG :

Puan Rohana Binti Abd. Malek
Ketua Pengarah Insolvensi

PENASIHAT :

Puan Haini Binti Hassan
Timbalan Ketua Pengarah Operasi

PENGARANG :

Dato' Mat Aron Bin Deraman
Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan

AHLI :

Pengarah-Pengarah Bahagian Seksyen Komunikasi Korporat



PERUTUSAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI

PERUTUSAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI

Syukur Alhamdulillah kerana dengan IzinNya Buletin Insolvensi keluaran ulung ini dapat dilaksanakan. Cadangan bagi mengeluarkan buletin ini telah lama dirancang yang mana objektif utamanya bertujuan memberi maklumat kepada orang ramai tentang peranan jabatan.

Sebagai keluaran permulaan, Buletin Insolvensi akan memuatkan maklumat-maklumat asas bagi memberi gambaran secara umum kepada pembaca tentang pertubuhan dan peranan jabatan secara umum. Pengkhususan dan penjurusan kepada topik-topik tertentu akan dilaksanakan dalam keluaran akan datang.

Jabatan Insolvensi Malaysia atau dikenali sebagai MdI berperanan sebagai pentadbir bagi kebankrapan individu dan juga syarikat yang telah digulungkan. Selain itu jabatan ini juga berperanan sebagai pentadbir bagi pertubuhan dan kesatuan sekerja yang telah dibatalkan pendaftarannya yang mana tidak ramai orang yang tahu tentang peranan ini.

Menyedari hakikat tersebut, MdI mengambil inisiatif untuk menerbitkan Buletin Insolvensi sebagai sumber rujukan kepada masyarakat mendapatkan maklumat mengenai insolvensi. Diharapkan Buletin Insolvensi dapat menjadi wadah bagi memberi maklumat, mewujudkan kesedaran dan juga memberi pendidikan kepada masyarakat yang kurang arif mengenai insolvensi lebih-lebih lagi kepada mereka yang telah diisyiharkan bankrap, bekas-bekas pengarah syarikat yang telah digulungkan dan individu yang terlibat secara langsung dengan pertubuhan atau kesatuan sekerja yang telah dibatalkan pendaftarannya. Buletin Insolvensi akan memuatkan panduan yang boleh diikuti oleh golongan ini dalam memudahkan pentadbiran kes masing-masing.

Bagi masyarakat umum pula, jadikan Buletin Insolvensi sebagai sumber untuk menambah pengetahuan dan mengikuti perkembangan dan penambahbaikan yang akan dilakukan oleh MdI dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat selaras dengan aspirasi kerajaan "Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan."

Sekian, terima kasih.

Rohana Binti Abd Malek

Ketua Pengarah Insolvensi



www.insolvensi.gov.my



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan Izinya Buletin Insolvensi bilangan pertama dapat disempurnakan sepenuhnya.

Pelbagai informasi dan aktiviti Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) dapat disalurkan melalui buletin ini untuk tatapan umum.

Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua jawatankuasa yang telah menyumbang tenaga, idea dan kreativiti dalam penerbitan buletin ini dan diharapkan ianya akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Haini Binti Hassan

Timbalan Ketua Pengarah(Operasi)

dari Meja Pengarang



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan IzinNya Buletin Insolvensi bilangan 1 dapat dihasilkan. Penerbitan Buletin Insolvensi ini merupakan yang pertama dalam sejarah 89 tahun penubuhan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI).

Penerbitan buletin ini bertujuan memaklumkan kepada umum mengenai peranan MdI serta aktiviti yang dijalankan dari semasa ke semasa. Diharapkan orang ramai mendapat maklumat dengan penerbitan ini.

Kejayaan MdI menerbitkan buletin ini merupakan hasil daripada kesungguhan dan ketekunan warga kerja MdI dalam merealisasikan hasrat untuk meninggikan imej jabatan sekaligus menjana perubahan positif ke arah meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

Semoga buletin ini dapat menjadi wadah penyampaian maklumat dan dapat memberi gambaran sedikit sebanyak tentang program yang dilaksanakan oleh MdI.

Akhir kata, kami ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada seluruh jawatankuasa yang terlibat dalam membantu menyediakan bahan untuk dimuatkan di dalam buletin pertama MdI ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Hj. Mat Aron Bin Hj. Deraman

Timbalan Ketua Pengarah(Pengurusan)

Apa Itu Kebankrapan

Kebankrapan adalah satu proses di mana seorang penghutang itu diisyiharkan sebagai 'bankrap' lanjutan daripada suatu perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi terhadap penghutang tersebut atas kegagalan atau ketidakupayaan untuk membayar hutang sekurang-kurangnya RM30,000.00. Permohonan kepada mahkamah boleh dibuat oleh pemutang mahupun penghutang itu sendiri. Bagi permohonan yang dibuat oleh penghutang sendiri, tiada had untuk nilai hutang.

Seorang bankrap hendaklah melaporkan segala harta dan tanggungannya kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk ditadbir. Harta bankrap akan ditadbir bagi membantu mereka keluar daripada kebankrapan.


Selain itu, bankrap juga akan dikenakan beberapa sekatan seperti tidak dibenarkan untuk keluar negara, memegang jawatan-jawatan tertentu seperti Pengarah atau Pengurus atau melibatkan kewangan sesebuah syarikat/perniagaan dan mengendalikan perniagaan persendirian (sole proprietorship) atau perkongsian (partnership). Walau bagaimanapun, sekatan-sekatan tersebut boleh dikecualikan sekiranya bankrap membuat permohonan kepada KPI dan diberi kebenaran oleh KPI. Bankrap yang ingin bekerja dengan mana-mana individu yang terdiri daripada suami atau isteri, individu yang mempunyai pertalian darah dengan suami atau isteri dan adik beradiknya atau adik-beradik (ipar) suami/isteri (ipar) juga perlu mendapatkan kebenaran KPI.

Namun, status kebankrapan bukanlah gelaran yang harus disandang seumur hidup oleh individu berkenaan. Terdapat tiga (3) cara untuk mengeluarkan seseorang bankrap daripada kebankrapan iaitu melalui Pembatalan, Pelepasan melalui Mahkamah dan Pelepasan melalui Sijil KPI. Permohonan Pembatalan dan Pelepasan melalui Mahkamah hendaklah difaillkan di Mahkamah manakala Pelepasan melalui Sijil KPI merupakan kuasa budi bicara KPI untuk melepaskan bankrap dengan mengambilkira kriteria tertentu dan kerjasama bankrap kepada pentadbiran kes. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada bantahan pemutang dan keputusan mahkamah sekiranya pihak pemutang memfaillkan permohonan kepada mahkamah untuk menghalang KPI mengeluarkan Sijil Pelepasan KPI kepada bankrap.



Bankruptcy

CARTA ALIRAN PROSES YANG MEMBAWA KEPADA KEBANKRAPAN INDIVIDU



IMPLIKASI KEBANKRAPAN

Tidak boleh memegang jawatan dalam beberapa badan berkanun atau organisasi antara lain, tidak boleh menjadi Gabenor atau pengarah Bank Negara, Bank Pertanian Malaysia, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dan Bank Simpanan Nasional

Tidak layak dilantik sebagai Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret

Tidak boleh memegang jawatan atau menjadi penasihat / pekerja sesuatu pertubuhan berdaftar

Tidak boleh memegang jawatan Ahli Majlis sebuah pihak berkuasa tempatan

Tidak boleh bertindak sebagai anggota eksekutif kesatuan sekerja



Tidak boleh keluar dari Malaysia tanpa kebenaran

Tidak boleh menjalankan perniagaan sama ada sendiri atau perkongsian tanpa kebenaran

Tidak boleh bekerja dengan suami / isteri atau saudara mala tanpa kebenaran

Tidak boleh meminjam >RM1000 tanpa memaklumkan status kebankrapannya kepada pemberi pinjaman

Tidak boleh menjadi pengarah syarikat tanpa kebenaran



Tidak boleh mengambil tindakan di Mahkamah tanpa Kebenaran

Sijil Carian Rasmii Kebankrapan (KCR) kini boleh didapati di semua cawangan Jabatan Insolvensi di seluruh Malaysia dengan kadar bayaran RM10.00.

Sijil Carian Rasmii Kebankrapan (KCR) yang dicetak secara atas talian merupakan **dokumen sah** yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.

VISI, MISI, OBJEKTIF MdI

VISI

Untuk Menjadi peneraju pengurusan insolvensi melalui pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan yang efisyen dan dinamik.


MISI

Menguruskan hal ehwal insolvensi dengan integriti, saksama dan profesional untuk menjaga dan mengimbangi kepentingan pelanggan bagi meminimakan impak kegagalan pengurusan kewangan.

OBJEKTIF

- (a) Memperkuatkan pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan pengurusan insolvensi;
- (b) Memperkuatkan pelaksanaan dan pematuhan undang-undang insolvensi;
- (c) Memperkuatkan keupayaan dan kemampuan MdI; dan
- (d) Memperkuatkan kerjasama dan perkongsian strategik.

FUNGSI UTAMA




APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH SEORANG BANKRAP?




Peranan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI)

- Pentadbiran kes kebankrapan individu
- Pentadbiran syarikat yang digulungkan
- Pentadbiran pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftaran
- Penguatkuasaan undang-undang kebankrapan



EVOLUSI Mdi



PROGRAM KESEDARAN DAN PENDIDIKAN INSOLVENSI

**HARI KENALI MdI DI GIANT HYPERMARKET
SERI KEMBANGAN**


Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) telah mengadakan Hari Kenali MdI yang bertempat di Giant Hypermarket , Seri Kembangan. Program ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam mengenai fungsi dan peranan jabatan di samping menawarkan perkhidmatan kaunseling kepada orang awam khususnya individu yang bankrap. Hari kenali MdI telah berjaya menarik pengunjung yang terdiri daripada pekerja swasta dan orang awam.



Susun atur booth MdI di Giant Seri Kembangan



Pegawai MdI sedang memberi penerangan mengenai perkara kebankrapan kepada orang awam



Bankrap juga telah hadir untuk mendapatkan penerangan yang lebih terperinci mengenai kes beliau

TAKLIMAT DI KOLEJ TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MdI telah dijemput oleh Kolej Teknologi Makmal Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memberi taklimat mengenai implikasi kebankrutan dan cara-cara pengurusan kewangan yang betul. Taklimat tersebut telah dihadiri oleh tenaga pengajar dan para pelajar kolej berkenaan. Program taklimat tersebut telah diadakan pada 31.1.2013.



BANKRUPTCY

KNOW MORE


KNOW BETTER

TAKLIMAT ANJURAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

**SESI CERAMAH JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (MdI)
CAWANGAN MUAR BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN
BATU PAHAT (MPBP) PADA 20.2.2013**



Sesi Ceramah oleh MdI Muar bertajuk 'Keberhutangan Yang Membawa Kepada Muflis' yang dianjurkan oleh MPBP



Sesi Soal Jawab

Peserta Kursus sedang mengajukan soalan mengenai kesan kebankrutan terhadap individu

TAKLIMAT DI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN, PUTRAJAYA

Taklimat Kebankrapan di Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Putrajaya oleh Puan Lim Kui Lee, Pengarah Bahagian Kebankrapan pada 13 dan 14 Mac 2013.



TAKLIMAT DI JABATAN AUDIT NEGARA CAWANGAN KOTA KINABALU, SABAH

**TAKLIMAT KEBANKRAPAN
SEMPENA SEMINAR PENINGKATAN KEPERIBADIAN
ANJURAN JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SABAH
DI GRAND BORNEO HOTEL, 1 BORNEO, KOTA KINABALU
PADA 25.3.2013**



Pegawai dari Jabatan Insolvensi sedang menyampaikan taklimat



Para peserta dari Jabatan Audit Negara yang hadir semasa taklimat

KARNIVAL ASTRO FIESTA MESRA BELIA 1 MALAYSIA PADA 15 - 17 MAC 2013



YB Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Tan Sri Abdul Aziz melawat booth MdI



Orang awam sedang mendapatkan penerangan mengenai kebankrapan

PROGRAM OUTREACH

**"PENGENALAN KEBANKRAPANDAN IMPLIKASINYA"
DI DEWAN PERSIDANGAN UNIVERSITI, USM, PULAU PINANG
19hb MAC 2013**

Penceramah : Encik Roshan Karthi Kayan
Pegawai yang turut hadir :
Puan Zainab Maydin Pillai
Cik Rabani Kamarudin

Crews terlibat :
En. Abdul Malik Bin Mohd Sathakatullah
En. Muhamad Sofi Bin Che Din
En. Mohd Nizam Bin Azmi
Cik Stella a/p Arokiasamy
Puan Soon Siew Geok
En. Rafie Bin Yusof

Photo Album by SG. Soon



Tuan Pengarah bersama 'outreach krews' bersedia dengan props mengambil gambar kenangan di pejabat Mdi P.Pinang sebelum bertolak ke USM, Pulau Pinang.


Tibalah masanya, Penceramah Encik Roshan mengambil tempatnya selepas di perkenalkan oleh Tuan Pengurus, En.Faizal dari USM dan Puan Siti Zubaidah Bt. A Hamid selaku Pendaftrar, Jabatan Pendaftrar USM, dijemput untuk memberi ucapan dan beliau mengalu-alukan kehadiran para warga USM yang menyertai program ini; dan juga kesudian Mdi Cawangan Pulau Pinang berkongsi ilmu dan pengalaman bersama USM.



Encik Roshan dijemput masuk...



En. Faizal memperkenalkan biodata penceramah dan para pegawai Mdi



Relaksnya En.Nizam dengan kepakaran beliau...



Cik Rabani (kiri), Pn. Zainab (kanan) ~ semangat Mdi...
Ceria dan Senyum selalu. (Berdiri Belakang : En.Faizal dari USM
berinteraksi dengan Puan Soon Siew Geok.



Puan Siti Zubaidah memberi ucapan sambutan bagi pihak USM.



Penceramah, Encik Roshan "in action" ~
Menerangkan peranan Mdi.



Sesi Soal-Jawab



PAMERAN DI HARI TERBUKA ATM SIBU, SARAWAK

PAMERAN SEMPENA HARI TERBUKA ANGKATAN TENTERA DI DATARAN FASA II SIBU, SARAWAK
PADA 05 ~ 07 APRIL 2013 DI BAHAGIAN SIBU ANJURAN MARKAS 9 BRIGED



Antara persediaan sebelum bermulanya pameran



Para pengunjung yang mengunjungi pameran Mdi

PAMERAN DI MAJLIS PERASMIAN MENARA PERSEKUTUAN MELAKA



Pengarah Insolvensi Melaka bergambar bersama Pegawai yang bertugas di booth pameran



Pegawai Insolvensi menjawab pertanyaan pengunjung yang hadir



PAMERAN DI FESTIVAL BELIA, PUTRAJAYA PADA 23 ~ 26 MEI 2013





Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah menyertai pameran sempena Festival Belia Putrajaya yang diarjururkan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada 23 – 26 Mei 2013.

Pameran tersebut berjaya mencapai matlamatnya apabila booth Mdl dikunjungi kira-kira seribu pengunjung. Objektif penyertaan Mdl ialah untuk mendidik masyarakat terutamanya belia mengenai pengurusan kewangan yang betul dan menambah pengetahuan mereka mengenai perkara kebankrapan.

SUMBANGAN KEPADA TABUNG WIRA NEGARA



Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua anggota Mdl yang telah memberikan sumbangan kepada Tabung Wira Negara.

Sumbangan telah diserahkan oleh Dato' Hj. Mat Aron Bin Hj. Deraman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Mdl kepada Datuk Othman Bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri, pada 29 Mac 2013 bertempat di Pejabat TKSUK, Jabatan Perdana Menteri.



Kerjasama pintar antara Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) dan Agensi Kaunseling Pengurusan Kewangan (AKPK) dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya pengurusan kewangan yang betul

COURTESY VISIT FROM
MIA, IPAM & MICPA
26 MARCH 2013



Kunjungan hormat MIA, MICPA, MICS dan IPAM ke Mdi pada 26.3.2013

Puan Noor Nasimah mempergerusikan
mesyuarat berkenaan



Wakil daripada
Bank Rakyat Malaysia Berhad Cawangan Miri
yang hadir semasa perbincangan berkenaan

PERBINCANGAN INTERAKTIF ANTARA Mdi MIRI
DAN BANK RAKYAT MALAYSIA BERHAD
PADA 15 MAC 2013



Wakil-wakil dari Mdi dan ahli-ahli ABM
PERBINCANGAN ANTARA JABATAN INSOLVENSI DAN
PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA (ABM)
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT PERDANA ARAS 10
BANGUNAN HAL EHWAH UNDANG-UNDANG PUTRAJAYA
PADA 9 APRIL 2013



Dipengerusikan oleh
Puan Ketua Pengarah Insolvensi

Satu perbincangan antara Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) dengan pihak Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) dan ahli-ahli Persatuan Bank Dalam Malaysia yang terdiri daripada bank-bank komersial di Malaysia telah diadakan pada 9 April 2013 bagi membincangkan isu dan jalan penyelesaian berkaitan hal ehwal kebankrutan dan penggulungan syarikat



Perbincangan Interaktif bersama pihak CIMB Bank pada 21 Jan 2013 dan telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia, Puan Rohana Abd Malek

**PROGRAM
PERKONGSIAN PINTAR
& STRATEGI LAUTAN BIRU**

“MEDIA ENGAGEMENT”

Temubual Radio dan TV oleh mysuara.net pada 07.03.2013 untuk mengupas Isu Kebankrapan dan Implikasinya.

Mysuara.net merupakan sebuah produksi Radio dan TV online



Puan Lim Kui Lee, Pengarah Bahagian Kebankrapan sedang ditemubual oleh wartawan mysuara.net untuk slot rakaman TV dan Radio mysuara.net



e-Insolvensi

Rangkaian Interaktif Laman Elektronik Kerajaan

e-Insolvensi merupakan satu perkhidmatan Carian Keputusan Kebankrapan dan Keputusan Penggulungan Syarikat secara maya dan merupakan alternatif kepada transaksi di kaunter. Perkhidmatan ini boleh digunakan oleh semua individu yang mempunyai capaian Internet, 24 jam sehari, 7 hari seminggu melalui laman sesawang <http://www.myeg.com.my> atau <http://www.rilek.com.my>.

Kadar Bayaran

Kadar bayaran bagi perkhidmatan adalah seperti berikut:

1. RM10.00 (Bayaran perkhidmatan carian)
2. RM2.00 (Bayaran kepada Penyedia Teknologi dan Perkhidmatan)



Panduan Penggunaan e-Insolvensi boleh didapati di dalam laman sesawang Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) di <http://www.insolvensi.gov.my> atau sila imbas kod QR berikut untuk capaian terus ke panduan penggunaan eInsolvensi (myeg).

Untuk sebarang pertanyaan boleh berhubung melalui nombor +603 8885 1000.

PERKHIDMATAN INSOLVENSI

myBayar - Gerbang Bayaran Atas Talian Kerajaan

myBayar merupakan inisiatif Kerajaan di dalam mempelbagaikan saluran pembayaran secara atas talian bagi kemudahan rakyat. Melalui myBayar pembayaran boleh dilakukan sama ada melalui perbankan Internet, FPX atau kios dengan menggunakan kemudahan debit terus, kad kredit atau kad pra-bayar.

Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) merupakan salah satu jabatan yang telah menggunakan perkhidmatan myBayar ini di mana ia mampu menambah baik perkhidmatan kepada individu yang bankrap. Bankrap tidak lagi perlu hadir ke pejabat Insolvensi untuk membuat bayaran ansuran bulanan Insolvensi. Bayaran ansuran Insolvensi kini boleh dibuat secara atas talian melalui portal myBayar yang boleh dilayari di <http://www.malaysia.gov.my>.

myBayar



Panduan penggunaan myBayar boleh didapati di dalam laman sesawang Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) di <http://www.insolvensi.gov.my> atau sila imbas kod QR berikut untuk capaian terus ke panduan penggunaan perkhidmatan myBayar - Bayaran Ansuran Bulanan Insolvensi.

Gerbang Bayaran



Online Kerajaan

mySMS - Gerbang SMS Kerajaan

Satu inisiatif untuk mempelbagaikan saluran penyampaian perkhidmatan bagi membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan Kerajaan melalui SMS dengan mudah dan ringkas melalui satu nombor tunggal iaitu 15888. Untuk menggunakan perkhidmatan ini pengguna hendaklah terlebih dahulu mendaftar dengan menaip sms di telefon bimbit:




REG MYSMS [nama] [no KP] dan hantar ke **15888**.

*Caj penghantaran RM0.15 / Caj Penerimaan RM0.20

Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) telah bersama-sama dengan Kerajaan dalam inisiatif pelaksanaan mySMS ini dengan menawarkan empat (4) jenis perkhidmatan SMS kepada orang awam iaitu:

1. Permohonan Alamat Mdi seluruh Malaysia. (contoh: **MDI ALAMAT PUTRAJAYA**)
2. Pemberian Markah Kualiti Perkhidmatan Mdi seluruh Malaysia. (contoh: **MDI KUALITI QPUTRAJAYA 1**)
3. Penghantaran Dokumen Maklumat Mdi ke e-mel. (contoh: **MDI INFOALAMAT ali@yahoo.com**)
4. Aduan/Pertanyaan. (contoh: **MDI ADUAN Saya tidak pernah membuat pinjaman kenapa saya bankrap**).



Carta Ringkas Perkhidmatan mySMS Mdi

Contoh kod penggunaan:

1. **MDI MENU** dan hantar ke **15888**.
2. mySMS ALAMAT sila rujuk di lampiran seterusnya.
3. mySMS KUALITI sila rujuk di lampiran seterusnya.
4. **MDI DOKUMEN [alamat e-mel]** dan hantar ke **15888**.
5. **MDI ADUAN [aduan anda]** dan hantar ke **15888**.

mySMS ALAMAT Mdi



Kod Penggunaan: **MDI [nama negeri/cawangan]**

Contoh Penggunaan:

1. **MDI PUTRAJAYA** dan hantar ke **15888**.
2. **MDI JB** dan hantar ke **15888**.

mySMS KUALITI Mdi



Kod Penggredan Kualiti:

1. Cemerlang
2. Amat Baik
3. Memuaskan
4. Tidak Memuaskan

Kod Penggunaan: **MDI Q[nama negeri/cawangan]**

Contoh Penggunaan:

1. **MDI QPUTRAJAYA 1** dan hantar ke **15888** (untuk memberi gred perkhidmatan **CEMERLANG**)
2. **MDI QJB 2** dan hantar ke **15888** (untuk memberi gred perkhidmatan **AMAT BAIK**)

News Clipping @ Insolvency

Kesan dari aktiviti promosi yang giat dilakukan oleh Mdi di media cetak dan elektronik, banyak pihak sama ada agensi kerajaan maupun NGO telah memberikan pelbagai maklum balas, komen dan pendapat di akhbar-akhbar utama di Malaysia berkaitan isu muflis dan implikasinya pada masyarakat dan golongan belia.

BH

© JUMAAT 4 JANUARI 2013

24 NASIONAL

Mdi bantu individu berdepan muflis

Kuala Lumpur: Individu yang berdepan masalah muflis tidak seharusnya menge-lak daripada bertemu Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) kerana jabatan itu mampu membantu mereka.

Sumber Mdi ketika dihubungi BH semalam berkata, berbeza dengan tanggapan orang ramai, Akta Kebankrapan 1967 sebenarnya adalah satu bentuk perlindungan yang ‘menyelamatkan’ individu berkenaan daripada terus digangu pemutang.

Beliau berkata, Mdi ialah satu-satunya jabatan yang boleh membantu menangani kes seumpama itu, termasuk melepaskan individu terbabit daripada perintah muflis berdasarkan syarat ditetapkan.

“Kita tidak faham mengapa orang ramai perlu takut atau malu tampil ke hadapan, berjumpa Mdi apabila mereka diisyithar muflis. Kami boleh membantu mereka dan mereka boleh menghubungi Mdi pada bila-bila masa di semua 21 cawangan di seluruh negara,” katanya.

Perasaan malu, jelas beliau, tidak perlu timbul malah individu terbabit tidak perlu kuatir masalah mereka diketahui umum kerana setiap kes akan ditadbir pegawai berlainan.

Sumber itu berkata, Mdi sudah melaksanakan pelbagai program dan pendekatan untuk meningkatkan tahap kesedaran orang ramai berhubung fungsi jabatan itu dalam membantu mereka.

Keratan akhbar yang disiarkan oleh BERITA HARIAN pada 04 Januari 2013 yang lalu

New Straits Times: Only responsible consumer behaviour can change the loan-default culture

Bankrupting loan culture

Star: Credit card debt churning out bankrupt graduates

Utusan Malaysia: Saving the young from bankrup

203 orang diisyithar muflis gagal

50,000 belia muflis sejak 2006

Ambari hadi insfra

ADUAN @ MdI

Aduan @ MdI

Unit Aduan telah ditubuhkan pada bulan 30 April 2009 berobjektif untuk membolehkan aduan diuruskan secara cekap dan 'centralised' melalui 'one stop centre'. Ia juga bertujuan untuk memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan, memperbaiki imej Jabatan dan disusuli dengan tindakan efektif dari setiap bahagian di MdI.



Aduan dan pertanyaan
e-mel kepada
mdi.aduan@insolvensi.gov.my

Aduan ditakrifkan sebagai ketidakpuasan hati terhadap sebarang tindakan pentadbiran Kerajaan (termasuk agensi yang diswastakan dan institusi berbentuk monopoli) dan membekalkan keperluan awam yang dirasai tidak adil, tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedia ada termasuk salah laku, penyelewangan, salah guna kuasa, salah tadbir dan seumpamanya.

**Bagaimana
cara saya
membuat
aduan?**

- Laman web - www.Insolvensi.gov.my
- Telefon - 03-8885 1288
- Faks - 03-8885 1302
- Menulis surat - Jabatan Insolvensi Malaysia, Aras 3, Presint 3, 62692 Putrajaya
- Program Proaktif MdI - Kaunter Bertemu Pelanggan MdI
- Hadir sendiri ke Pejabat-pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia

KEBANKRAPAN BOLEH DI ELAK!

- Berbelanja mengikut kemampuan
- Uruskan hutang dengan bijak
- Elakkan menjadi penjamin
- Gunakan kad kredit dengan berhemah
- Amalkan budaya menabung untuk meminimakan hutang
- Laporkan kepada pihak berkuasa sekiranya kad pengenalan anda hilang bagi mengelakkkan salah guna oleh pihak ketiga

Bankruptcy
Advice

